



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Khamis, 14 Mei 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: PEMBUKAAN PERKHIDMATAN KAUNTER JPJ BAGI SEMUA
URUSAN MULAI 18 MEI 2020**

Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan membuka perkhidmatan kaunter sepenuhnya termasuk di cawangan-cawangan Pos Malaysia bagi semua urusan bermula hari Isnin, 18 Mei 2020.

Pada masa ini, kakitangan JPJ di seluruh negara sedang dalam persiapan terakhir untuk digerakkan sepenuhnya untuk memulakan pengoperasian termasuk memastikan langkah-langkah dari aspek keselamatan dan kesihatan dapat dipenuhi sebagaimana yang diperlukan. Beberapa penyelarasan rutin juga dimuktamadkan antara JPJ dengan bank-bank yang berkaitan untuk memastikan perkhidmatan JPJ dapat kembali normal pada minggu hadapan.

Sebelum ini, JPJ telah membuka perkhidmatan kaunter secara berperingkat susulan keputusan Kerajaan membuka semula sektor ekonomi negara menerusi pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Hanya urusan niaga tertentu sahaja dibenarkan beroperasi di kaunter sehingga 17 Mei 2020 ini dan senarai urusan niaga berkenaan adalah seperti yang tertera dalam Lampiran A.

JPJ juga akan terus beroperasi selama tujuh (7) hari seminggu bertujuan membolehkan urusan niaga tertunggak diselesaikan secepat mungkin selain

daripada mengelakkan kesesakan pelanggan sedia ada daripada kedua-dua urusan perdagangan dan individu. Pengoperasian ini akan berterusan sehingga arahan pemberhentian diumumkan kelak. Manakala waktu operasi pula adalah dari jam 8:00 pagi hingga 4:00 petang pada hari bekerja dan 8:00 pagi hingga 1:00 petang pada hujung minggu (Jumaat dan Sabtu di beberapa negeri yang berkaitan).

Pembayaran secara tunai bagi semua urusan di cawangan-cawangan JPJ adalah dibenarkan hanya pada jam 8:00 pagi hingga 11:00 pagi sementara pembayaran tanpa tunai atau e-payment termasuk transaksi melalui kad debit dan kad kredit pula diterima mulai jam 8:00 pagi hingga 4:00 petang pada hujung minggu. Hanya pembayaran secara e-payment sahaja dibenarkan untuk semua urusan pada hujung minggu.

Diingatkan bahawa kenderaan persendirian masih tertakluk terhadap pengecualian pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu dalam tempoh PKP dengan syarat kenderaan tersebut masih dilindungi dengan perlindungan insurans yang sah.

Sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri, perkhidmatan kaunter JPJ akan ditutup mulai hari Sabtu, 23 Mei 2020 hingga Selasa, 26 Mei 2020 dan kembali beroperasi pada hari Rabu, 27 Mei 2020.

Saya sekali lagi ingin mengingatkan kepada orang ramai dan kakitangan agensi supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha bersama mencegah penularan wabak COVID-19. Paling penting ialah mengamalkan penjarakan sosial, memakai topeng muka dan kerap mencuci tangan.

Kementerian akan sentiasa mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan para pengguna pengangkutan awam di Malaysia. Dalam masa sama, usaha melawan pandemik COVID-19 ini juga adalah tanggungjawab kita bersama.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
14 MEI 2020

- TAMAT -

SENARAI URUS NIAGA JPJ PKPB SEHINGGA 17 MEI 2020

KAUNTER PEJABAT	
1. Pembaharuan LKM bagi kenderaan perdagangan.	2. Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia dan Lesen Vokasional (GDL dan PSV) bagi pemandu kenderaan perdagangan.
3. Penyelesaian senarai hitam dan pembayaran bagi kenderaan dan pemandu perdagangan.	4. Pendaftaran baharu bagi kenderaan komersial.
5. Permohonan status vintaj/ klasik.	6. Permohonan ubahsuai kenderaan komersial.
7. Permohonan A16 (berat dan dimensi).	8. Tukar Hak Milik bagi kenderaan komersial.
9. Cetakan VOC dan LKM kali pertama bagi tukar hak milik dan pendaftaran baharu secara atas talian.	10. Pengesahan biometric pemunya baharu (pembeli) bagi urusan tukar hak milik secara sukarela (kenderaan persendirian).
11. Permohonan permit memandu antarabangsa.	12. Permohonan Sijil Timbang Berat (di Ibu Pejabat).
13. Permohonan Pelan Teknikal Kenderaan (di Ibu Pejabat).	14. Permohonan Pemasangan Lampu Mata Arah (di Ibu Pejabat).
15. Pembaharuan Pendaftaran PE/ Konsultan (di Ibu Pejabat).	16. Permohonan CTA (di Ibu Pejabat).
17. Permohonan VTA (di Ibu Pejabat).	

DALAM TALIAN MYSIKAP AWAM	
A. KENDERAAN	
1. Permohonan Pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM).	2. Permohonan Salinan Lesen Kenderaan Motor (LKM).
3. Permohonan PEK Maklumat Kenderaan.	4. Permohonan Tempahan Nombor Pendaftaran Kenderaan.
5. Permohonan Pertukaran Hak Milik (Pemilik Berdaftar).	6. Permohonan Pertukaran Hak Milik (Pemilik Baharu).
7. Semakan Tarikh Luput Lesen Kenderaan Motor (LKM).	8. Semakan Nombor Pendaftaran Kenderaan Terkini.
B. LESEN MEMANDU	
1. Permohonan Permit Memandu Antarabangsa (IDP).	2. Permohonan Cabutan dan Pengesahan Lesen Memandu (LMM).
3. Permohonan Salinan Lesen Memandu Malaysia (LMM).	4. Permohonan Pembaharuan Lesen Memandu Malaysia (LMM).
5. Permohonan Lesen Memandu Malaysia (LMM).	6. Rayuan Lesen Memandu Malaysia (LMM) tamat tempoh.
7. Semakan Pertukaran Lesen Memandu.	8. Semakan Keputusan Ujian Memandu Bahagian 1/ Vokasional/ Praktikal.

9. Semakan Tarikh Ujian di Institut Memandu / Sekolah Memandu.	10. Semakan Tarikh Luput Lesen Memandu Malaysia.
11. Semakan Pertukaran Lesen Memandu Luar Negara.	12. Semakan Tempoh Permit Institut Memandu / Sekolah Memandu.
C. KESALAHAN & PENALTI	
1. Bayaran Saman JPJ.	2. Pertanyaan Senarai Hitam.
3. Pertanyaan Saman / Notis.	4. Pertanyaan Tempoh Lesen Digantung / Batal.
5. Pertanyaan Mata Demerit.	
D. KEJURUTERAAN AUTOMOTIF	
1. Permohonan Status Kenderaan Vintaj / Klasik.	2. Permohonan Mendapatkan Kelulusan Membaiki Kenderaan Akibat Kemalangan.
3. Permohonan Cop Semula No.Casis.	4. Permohonan Cop Semula No. Enjin.
5. Permohonan Pemasangan Lampu Mata Arah (Beacon Light).	6. Permohonan Pengubahsuaian Kenderaan.

POS MALAYSIA	
1. Pembaharuan Lesen Memandu (CDL dan PDL).	2. Pembaharuan LKM Kenderaan Persendirian.

MYEG	
1. Pembaharuan LKM Kenderaan Persendirian.	2. Semakan dan Pembayaran Saman.